

NURAI SYAH DAN FATHIHA BAWA PULANG PINGAT EMAS DALAM SUKAN PETANQUE

Oleh Nafisa binti Otong

Kota Kinabalu, 26 Mei - Nuraisyah binti Yahaya dan Aisyah Fathiha binti Ma'alif telah berjaya mengahumkan nama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan pingat emas kategori *double* (wanita) dalam kejohanan Petanque IPT 2015 pada 24 hingga 25 Mei yang lalu.

Nuraisyah merupakan atlet yang menanam tekad untuk mengharumkan nama negara. Aisyah telah melayakkan diri bagi mewakili UMS dalam kejohanan *Grandfinale IPT* 2015 di Melaka pada 29 hingga 31 Mei yang akan datang.

Pelajar UMS yang mengambil jurusan sains sukan, Nuraisyah Binti Yahaya, 21, bersama rakan kumpulannya Aisyah Fathiha Binti Ma'alif, 22, telah menumpaskan lawan dengan mata 13-0 dalam kejohanan Petanque IPT 2015 tersebut.

Mereka telah membawa pulang wang tunai sebanyak RM500

berserta trofi dan sijil.

Menurut Aisyah, dia telah mula berjinak dalam sukan petanque sejak di bangku sekolah lagi.

"Saya mula meminati sukan ini sejak berumur 13 tahun lagi, namun sempat berkecimpung dalam sukan petanque sejak berumur 16 tahun dan sehingga sekarang," katanya.

"Tahun lepas, saya juga telah mewakili Melaka dalam kejohanan SUKMA dalam acara *double* wanita dan mendapat tempat pertama," tambahnya.

Katanya, dia kini sedang membuat persiapan rapi bagi mencapai misi dalam sukan petanque ini.

"Saya akan berlatih setiap hari dan membuat persiapan rapi agar dapat membawa nama UMS serta mencapai matlamat utama iaitu menjadi pemain

petanque wanita Malaysia," ujarnya lagi.

Menurut Aisyah lagi, sebagai seorang atlet perlu bijak bahagikan masa antara sukan dan belajar. Walau sesibuk manapun, seorang pelajar mesti pandai mencuri masa untuk bersukan bagi mengurangkan tekanan sekaligus kesihatan badan turut terjaga.



Penyampaian hadiah kepada pemenang sukan petanque kategori *double* (wanita).